

12 DEC 1998

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN TANZANIA

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjung Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa dan isteri Anna Mkapa di Carcosa Seri Negara di sini bagi mengucapkan selamat jalan.

Turut serta ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng selaku menteri pengiring.

Dr Mahathir serta isteri menghabiskan masa kira-kira dua puluh minit berbual-bual dengan tetamu kerajaan itu sebelum mengucapkan selamat jalan.

Mkapa serta rombongan yang tiba di sini semalam bagi lawatan selama tiga hari ke negara ini akan pulang ke tanah air pagi esok.

Turut serta dalam rombongan itu ialah pemangku Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Zakia Meghji, Menteri Kerajaan Tempatan Ali Haji Ali, Menteri Tenaga dan Galian Abdallah Kigoda serta para pegawai kanan kerajaan.

-- BERNAMA

AKT RON